UMP mahu bina penginapan pelajar guna konsep wakaf

Daing Nasir Ibrahim

Kolej Mawaddah bakal tempatkan mahasiswa yatim, golongan asnaf

Oleh Abdul Razak Raaff
raaffar@bh.com.my

Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan membina kolej kediaman khusus untuk menempatkan pelajarnya yang yatim piatu dan golongan asnaf menerusi konsep wakaf atas talian bagi mengumpul dana.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya bekerjasama dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi membina kolej kediaman yang dinamakan Mawaddah di atas tanah seluas 0.81 hektar di kampus utama UMP, di sini.

Tangani kos sewa rumah

Beliau berkata, usaha pembinaan kolej kediaman itu adalah hasil inisiatif pihak pengurusan universiti dan diluluskan permohonan wakaf oleh pihak MUIP yang mengambil langkah proaktif bagi merealisasikan hasrat itu sekali gus membantu menangani masalah kewangan serta kos sewaan rumah pelajar daripada golongan berkenaan yang semakin meningkat.

"MUIP juga bersetuju memasukkan projek pembinaan kolej kediaman ini dalam Sistem Dana Wakaf Pahang dan segala kutipan wakaf tunai yang diterima akan disalurkan sepenuhnya untuk pembangunan projek wakaf ini.

"Malah, kami juga dibenarkan membuat kutipan dana wakaf tunai daripada orang ramai untuk projek pembinaan ini yang dijangka mengambil masa setahun untuk disiapkan," katanya, di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, majlis pelancaran pembinaan kolej itu akan disempurnakan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar di kampus cawangan ini pada jam 11 pagi ini.

Katanya, orang ramai yang berminat untuk menyalurkan sumbangan ke tabung wakaf bagi pembinaan kolej kediaman itu boleh menyalurkan terus ke akaun Bank Islam 06073010024679 atau Maybank: 556235309907 atas nama Bendahari Universiti Malaysia Pahang atau melalui pautan Portal Dana Wakaf Pahang melalui ewakaf.muip.gov.my ataupun melalui perbankan internet boleh terus ke laman sesawang mygift.ump.edu.my.

Peluang berwakaf

"Program ini juga menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk mengambil peluang berwakaf bagi diri sendiri, ahli keluarga, saudara mara atau untuk individu yang telah meninggal sebagai pelaburan sepanjang hayat demi kesejahteraan ummah," katanya.

Selain itu, beliau juga berkata, program MyGift UMP iaitu saluran sumbangan endowmen universiti bagi tujuan tajaan pendidikan, penyediaan kemudahan prasarana bagi membantu pelajar yang memerlukan akan diperkasakan.

"Baru-baru ini juga Lembaga Pemegang Amanah MyGift bersetuju meluluskan Endowmen Biasiswa Pelajar sebanyak RM560,000 untuk pelajar baharu miskin dan mereka yang memiliki keputusan cemerlang untuk mengikuti pengajian di UMP bagi sesi akademik akan datang dan kami juga meneruskan skim bantuan insentif pendidikan RM1,000 bagi pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk memulakan pengajian," katanya.